

Ilmu hasil penyelidikan penting majukan masyarakat

UM 11-12-13

KOTA KINABALU 10 Dis. - Mengaplikasikan ilmu yang dikutip daripada hasil penyelidikan dan penulisan tesis yang baik penting bagi menyumbang perkembangan berimpak tinggi kepada masyarakat.

Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah berkata, kemajuan sesebuah negara bukan dilihat sepenuhnya kepada hasil ekonomi yang banyak tetapi sejauh mana rakyat dan pemimpinnya membudayakan kehidupan berteraskan ilmu yang meliputi segenap aspek.

“Sejarah banyak membuktikan betapa nilai keilmuan yang tinggi menjadi pencetus kepada ketamadunan sesuatu bangsa dan negara,” katanya ketika berucap merasmikan Majlis Anugerah Pascasiswazah di Auditorium Pascasiswazah, UMS baru-baru ini.

Seramai 65 pelajar menerima anugerah iaitu Anugerah Tesis Terbaik, Anugerah Pelajar Cemerlang, Tesis Terbaik Sarjana dan Doktor Falsafah (PhD), Pelajar Terbaik Kerja Kursus, Penyelia Terbaik dan Anugerah Aspirasi Pascasiswazah.

Dr. Humin Jusilin dari Sekolah Pengajian Seni (SPS) merangkul dua anugerah utama iaitu Pelajar Cemerlang Gugusan Sastera (secara penyelidikan) dan Tesis Terbaik PhD (Gugusan Sastera).

Kejayaan Humin turut dikongsi oleh penyelia tesis beliau, Dekan Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (SPPS), Prof. Madya Dr. Ismail Ibrahim, yang merangkul anugerah Penyelia Terbaik Gugusan Sastera.

Penerima anugerah lain ialah Dr. William Kasapila dari Sekolah Sains Makanan dan Pemakanan (SSMP) bagi Anugerah Pelajar Cemerlang Gugusan Sains (Secara Penyelidikan), Dolorine Miting dari SPPS (Anugerah Pelajar Cemerlang Gugusan Sastera (Secara Kerja Kursus), dan Dr Takashi Kamada dari Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan (IBTP) (Anugerah Tesis Terbaik Gugusan Sains (PhD).

Siew Zhan Wei dari Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat (SKTM) pula dipilih sebagai (Anugerah Tesis Terbaik Gugusan Sains (Sarjana), manakala kategori Gugusan Sastera dimenangi oleh Chua Yee Chi dari Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial (SPKS).